



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

08.12.2017

SUARA MSWG

MAJLIS PENGIKTIRAFAN TADBIR URUS KORPORAT MSWG-ASEAN 2017

Kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang menghadiri majlis penyampaian anugerah di Hotel Majestic baru-baru ini dan semua yang menyumbang kepada menjayakan acara tersebut. Sokongan anda amat kami hargai dan kami berharap anda berpuas hati dengan acara ini. Bagi mereka yang tidak memenangi anugerah, jangan berputus asa kerana kami yakin anda mungkin menjadi pemenang pada acara akan datang.

Penilaian MSWG ke atas 100 syarikat awam berhad teratas di Malaysia menunjukkan syarikat tersenarai kita masih mengambil berat tentang tadbir urus korporat.

- Kami mendapati purata skor CG dalam kalangan seratus syarikat ini secara konsisten menunjukkan trend yang lebih tinggi iaitu daripada 68.20 mata yang dicatatkan pada 2012 kepada 85.02 mata pada 2016.

Terkini, tahun ini, skor keseluruhannya terus meningkat kepada 86.18 mata, menunjukkan usaha yang lebih gigih oleh syarikat awam berhad dalam menambah baik amalan dan pendedahan tadbir urus korporat mereka, dan pada masa yang sama, melaksanakan tugas mereka kepada para pemegang saham.

Secara keseluruhannya, walaupun 2017 dipenuhi pelbagai ragam, penemuan ini menyuntik rasa optimis yang meningkatkan keyakinan para pelabur terhadap masa depan pasaran modal tempatan. Lebih-lebih lagi dengan komitmen berterusan untuk meningkatkan tahap tadbir urus korporat. Persaingan yang semakin sengit menjadi petanda yang baik kepada pasaran modal kerana ini meningkatkan lagi kesedaran serta usaha syarikat untuk meningkatkan tahap tadbir urus korporat dalam syarikat mereka.

Tahniah kepada semua pemenang! Kami mengalu-alukan prestasi yang lebih baik pada tahun 2018!

BURSA MENGETATKAN SYARAT SEKALI LAGI

Bursa Malaysia telah membuat beberapa penambahbaikan penting kepada Peraturan Penyenaian bagi menyelaraskan lagi pasaran modal dengan Akta Syarikat 2016 dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG).

Melihat daripada perspektif peningkatan tahap tadbir urus korporat, Bursa kini mensyaratkan syarikat tersenarai untuk:

- a) Menambah baik kualiti pendedahan tadbir urus korporat menerusi Penyata Gambaran Keseluruhan Tadbir Urus Korporat dan Laporan Tadbir Urus Korporat
- b) Menggalakkan ketelusan ke atas ganjaran pengarah dengan mensyaratkan pendedahan berdasarkan nama Pengarah
- c) Meningkatkan pengawasan Jawatankuasa Audit ke atas fungsi audit dalaman.

Peningkatan paling ketara dalam senarai ini adalah (b), yang memerlukan kesemua penerbit tersenarai untuk memberikan pendedahan terperinci tentang ganjaran pengarah secara individu yang berkuatkuasa 2 Jan 2018. Ini merupakan suatu langkah yang sering dianjurkan oleh MSWG iaitu ganjaran pengarah PERLU diselaraskan dengan prestasi syarikat. Ganjaran yang tidak konsisten dengan prestasi akan menuntut penjelasan.

Bursa wajar diberikan pujian kerana memasukkan penambahbaikan yang diperlukan ke dalam Peraturan Penyenaiaannya.

SEPANDAI-PANDAI TUPAI MELOMPAT

Sabitkan dan penjatuhan hukuman terhadap Dato' Seri Stanley Thai Kim Sim, Ketua Pegawai Eksekutif syarikat pembuat sarung tangan getah Supermax Corporation Bhd, menunjukkan bahawa setiap kesalahan tidak dapat lari daripada penguatkuasaan undang-undang. Dato' Seri Thai disabitkan dengan dakwaan tentang kegiatannya dengan APL Industries Bhd (APLI) pada 2007 ketika beliau memegang jawatan CEO. Walaupun kejadian ini berlaku sepuluh tahun yang lalu, pengawal selia menganggap bukti yang ada sudah mencukupi untuk menahan dan seterusnya memenjarakan beliau. Langkah ini memberikan mesej yang bermakna kepada pasaran yang lebih luas.

MSWG memegang prinsip mana-mana pengarah yang dituduh melakukan kesalahan jenayah oleh mahkamah undang-undang walaupun belum disabitkan perlu mengambil cuti daripada tugasnya bermula dari tarikh pertuduhan. Persoalan tentang integriti adalah sangat penting apabila melibatkan dana awam dan kepentingan pemegang saham perlu diutamakan.

Kami berpendapat Lembaga Pengarah Supermax wajib memperkenalkan langkah tadbir urus yang lebih ketat dan mantap ke dalam Kod Etika mereka untuk memasukkan penyingkiran, penggantungan, malah melepaskan para pengarah yang mana integritinya telah dikompromi.

Walau bagaimanapun, kami mendapati Dato' Seri Thai telah melepaskan tugas beliau sebagai pengarah Supermax pada 7 Disember 2017, berdasarkan Perenggan 15.05 Keperluan Penyenaiaian Pasaran Utama Bursa Malaysia. Pelepasan tugas ini juga berfungsi sebagai cuti sabatikal kepada pengarah yang disabitkan oleh mahkamah undang-undang, walaupun pengarah enggan melepaskan jawatan mereka.

PASUKAN MSWG

8 Disember 2017

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 11 HINGGA 15 DISEMBER 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
12.12.17 (Selasa) 10.00 pagi	YTL Power International Bhd (AGM)	JW Marriott Hotel Kuala Lumpur
12.12.17 (Selasa) 12.45 tengah hari	YTL Corporation Bhd (AGM)	JW Marriott Hotel Kuala Lumpur
12.12.17 (Selasa) 03.00 petang	YTL Land & Development Bhd (AGM)	JW Marriott Hotel Kuala Lumpur
13.12.17 (Rabu) 10.00 pagi	MK Land Holdings Bhd (AGM)	Connexion Conference & Event Centre, Bangsar South City

Perkara penting untuk diajukan:

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
YTL Power International Bhd (AGM)	<p>Seperti yang dilaporkan dalam muka surat 15 Laporan Tahunan, Stesen Janakuasa Paka dijangka memulakan operasi pada 1 September 2017.</p> <p>(a) Bagaimanakah terma perjanjian pembelian tenaga baharu (“PPA”) berbanding PPA lama?</p> <p>(b) Adakah PPA tertakluk pada pembaharuan apabila tamat tempoh?</p> <p>(c) Berapa besarkah sumbangan perniagaan Penjanaan Kuasa kepada pendapatan Kumpulan?</p>
YTL Corporation Bhd (AGM)	<p>Kumpulan telah membeli empat (4) hotel di UK iaitu The Glasshouse Hotel di Edinburgh, Threadneedles di London, The Academy di London dan Monkey Island Estate.</p> <p>(a) Apakah kadar penghunian bagi setiap hotel pada TK2017 dan kadar penghunian yang dijangka pada TK2018?</p> <p>(b) Bagaimanakah Syarikat membiayai pembelian hotel-hotel ini?</p>
YTL Land & Development Bhd (AGM)	<p>Kerugian daripada kemerosotan nilai pembangunan hartanah berjumlah RM12.9 juta pada TK2017 berbanding RM5.2 juta pada TK2016.</p> <p>(a) Projek manakah yang menyebabkan kerugian daripada kemerosotan nilai ini?</p> <p>(b) Adakah terdapat apa-apa kerugian daripada kemerosotan yang dijangka dalam TK2018?</p>
MK Land Holdings Bhd (AGM)	<p>Analisis dan Perbincangan Pengurusan (MD&A) melaporkan fokus Lembaga Pengarah dalam tahun kewangan ini adalah untuk menjual produk-produk baharu yang siap dibina khususnya Kondominium Armanee Terrace (Block B) dan The Rafflesia. Pada masa yang sama, Syarikat juga merancang pelancaran baharu.</p> <p>(a) Bolehkah Lembaga jelaskan kepada para pemegang saham mengenai langkah yang diambil untuk menjual produk siap?</p> <p>(b) Bolehkah Lembaga maklumkan bilangan unit siap yang belum dijual dan nilainya seperti yang dilaporkan dalam ulasan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan mengenai operasi pembangunan hartanah Kumpulan yang merangkumi Damansara Perdana, Damansara Damai, Klebang Putra dan Meru Perdana?</p> <p>(c) Di manakah lokasi atau projek produk-produk akan datang yang dirancang yang</p>

Perkara penting untuk diajukan:

terdiri daripada kondominium dan pangsapuri berharga di bawah RM1 juta? Apakah tema perbandaran yang dirancang dan jenis rumah yang boleh menarik minat bakal pembeli?

- (d) Apakah langkah yang diambil oleh Lembaga Pengarah sekiranya produk yang dirancang pada masa hadapan menjadi hartanah yang belum dijual seperti yang dilaporkan dalam Nota 21 pada muka surat 105 Laporan Tahunan, yang berjumlah RM118.33 juta pada 30 Jun 2017 (2016: RM137.91 juta).

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat elaine.choo@mswg.org.my

Mustaqim Yusof, Penganalisa, Khidmat Korporat mustaqim.yusof@mswg.org.my

Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.